



Dr Mahathir pada sesi dialog anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Perancis Malaysia di Cyberjaya semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia tidak guna nuklear sumber tenaga

Cyberjaya: Malaysia tidak akan menggunakan bahan nuklear sebagai sumber tenaga diperbaharui kerana negara tidak mempunyai kepakaran menanganinya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika ini, dunia masih belum mengetahui bagaimana untuk melupuskan sisa bahan nuklear.

Beliau berkata, jika negara mempunyai loji tenaga nuklear, ia akan mengumpul sisa nuklear yang juga bersifat radioaktif.

“Pengetahuan kita dalam sains

itu tidak mencukupi. Kita tidak tahu bagaimana untuk melupuskannya.

“Itu sebabnya kita tidak boleh menggunakan bahan nuklear, kerana ia tidak terurai selama berjuta-tahun.

“Kita tidak mahu negara ini dipenuhi dengan sisa yang dibuang di semua tempat dan memberi kesan kepada rakyat,” katanya selepas mengadakan dialog dengan komuniti perniagaan Perancis di Malaysia, di sini, semalam.

Dr Mahathir pada dialog itu ditanya berhubung visi Malaysia

mengenai sumber tenaga boleh diperbaharui, selepas ikrar dibuat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin bahawa Malaysia akan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada 20 peratus menjelang 2025.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, sehingga cara untuk membalikkan proses penggunaan tenaga diperbaharui itu ditemui, Malaysia tidak akan menggunakan bahan nuklear.

Malaysia, katanya berusaha

BH - 11/2/2020 m/d. 3
mengurangkan penggunaan sumber tenaga tradisional seperti minyak, gas dan arang batu untuk mengurangkan kadar pencemaran udara.

“Kita sedang berusaha untuk menjana lebih banyak kuasa menerusi panel solar. Juga terdapat kemungkinan untuk kita mengeksport tenaga bersih kepada jiran-jiran kita.

“Kita ada banyak ruang, malah kita boleh gunakan laut untuk memasang lebih banyak panel (solar), jadi trendnya adalah ke arah itu,” katanya.